


# 559 dapat semua A+

FOTO | Ahmad Ibrahim Mohd Noor



**TERBAIK...Abd Ghafar menunjukkan buku pengumuman keputusan SPM 2011.**

**P**UTRAJAYA: Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2011 menunjukkan peningkatan apabila seramai 559 daripada 468,808 calon yang mendaftar memperoleh gred cemerlang tertinggi (A+) bagi semua mata pelajaran, berbanding 403 calon pada tahun sebelumnya.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Abd Ghafar Mahamud berkata, 506 daripadanya calon sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), manakala 53 calon membabitkan sekolah selain KPM.

Menurutnya, secara keseluruhan pencapaian calon dalam peperiksaan itu kali ini amat membanggakan berdasarkan Indeks Gred Purata Calon (GPN) iaitu 5.04, berbanding 5.19 pada 2010.

"Saya percaya peningkatan ini disebabkan usaha gigih semua pihak terutama pihak sekolah dan ibu bapa dalam pendidikan pelajar," katanya ketika mengumumkan analisis keputusan peperiksaan SPM di sini, semalam.

Tahun lalu sejumlah

468,808 calon menduduki peperiksaan itu, dengan 412,028 calon daripadanya dari sekolah KPM.

Abd Ghafar berkata, pihaknya turut mendapati ada pe-

ningkatan pada calon berkeperluan khas dalam peperiksaan itu iaitu seramai 662 calon, berbanding 629 calon pada tahun sebelumnya.

Malah katanya, daripada jumlah itu 343 calon mendapat sijil SPM, berbanding 319 calon pada 2010, dengan tiga calon rabun, seorang calon cacat pendengaran serta tiga calon jenis kecacatan lain mendapat gred A dalam semua mata pelajaran.

"Kejayaan mereka menunjukkan tanpa mengira kekurangan, calon berkeperluan khas berpeluang mendapat kecemerlangan dalam peperiksaan SPM," katanya.


Beliau berkata, berdasarkan GPN calon luar bandar juga bertambah baik sebanyak 0.13 iaitu daripada 5.52 pada 2010 kepada 5.39 pada 2011.

"Pencapaian calon bandar sebanyak 0.22 iaitu daripada 4.89 pada 2010 kepada 4.67 pada 2011. Jurang pencapaian calon bandar dengan luar bandar juga bertambah baik sebanyak 0.09," katanya.

## Anak Orang Asli kekal cemerlang

**B**ATU PAHAT: Penerima anugerah pelajar cemerlang Orang Asli pada peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dua tahun lalu, Mohammad Safwan Rajab, 18, meneruskan kecemerlangannya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan keputusan 8A, 2B, yang diumumkan semalam.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Sardon, Rengit di sini, membuktikan kekurangan hidup bukan penghalang untuk berjaya asalkan seseorang itu berusaha gigih bagi memperoleh kejayaan.



**SAFWAN...dapat 8A, 2B**

"Saya akan berusaha dengan lebih gigih pada masa hadapan dan kejayaan ini hasil sokongan tidak berbelah bagi keluarga serta guru.

"Kejayaan ini menjadi pencetus semangat dan mendorong saya untuk berusaha lebih gigih pada masa depan," katanya.